



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Laman Web : www.mof.gov.my

Ruj. Kami : MOF.BPK(S).600-22/10/9 Jld. 35(10)

Tarikh : 11 November 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

STATUS SYARIKAT YANG DIKENAKAN HUKUMAN/TINDAKAN TATATERTIB OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN DALAM URUSAN PEROLEHAN KERAJAAN

Dengan hormatnya saya mohon perhatian YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan berhubung perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan (MoF) telah menerima aduan daripada beberapa Kementerian/Pusat Tanggungjawab (PTJ) berhubung isu kegagalan penyerahan Surat Setuju Terima (SST) melalui Sistem ePerolehan (eP) kepada syarikat yang telah dimuktamadkan oleh Pihak Berkuasa Melulus (PBM). Semakan lanjut MoF mendapati syarikat-syarikat terbabit telah atau sedang dikenakan hukuman/tindakan tatatertib yang menyebabkan pendaftaran syarikat dengan MoF telah digantung atau dibatalkan. Keadaan ini menyebabkan Sistem eP tidak membenarkan SST dikemukakan secara dalam talian kepada syarikat berkenaan.

3. MoF juga ingin menarik perhatian pihak Kementerian/PTJ berhubung ketetapan yang digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan berkaitan Perolehan Kerajaan (PP/PK) 8 - Tindakan Tatatertib Ke Atas Syarikat Dalam Perolehan Kerajaan yang menetapkan bahawa Kementerian/PTJ perlu mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan pendaftaran syarikat/firma perunding dengan MoF adalah masih sah dan bebas daripada tindakan/hukuman tatatertib sebelum membenarkan syarikat/firma perunding berkenaan mengambil bahagian dalam sebarang perolehan Kerajaan. Selain itu, Kementerian/PTJ juga hendaklah memastikan syarikat/firma perunding adalah bebas daripada apa-apa tindakan/hukuman tatatertib semasa membuat pertimbangan bagi kontrak baharu serta perubahan dan pelanjutan kontrak bagi kontrak yang sedang berkuat kuasa dengan syarikat/firma perunding berkenaan.

4. Di samping itu, perenggan 6.2(vi) dan perenggan 19.5(i)(a) PP/PK 2.1 - Perihal Umum menetapkan supaya Urus Setia Perolehan dan PBM/Lembaga Perolehan (LP) memastikan setiap syarikat yang disenarai pendek untuk dimuktamadkan memenuhi semua syarat kelayakan dan pendaftaran yang ditetapkan oleh Kerajaan, termasuk status pendaftaran dengan MoF, pematuhan lesen dan permit yang berkaitan, serta bebas daripada sebarang tindakan tatatertib. Ketetapan ini juga menjelaskan bahawa PBM/LP bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keputusan PBM/LP dalam memuktamadkan syarikat dan sebarang pelanggaran terhadap mana-mana peraturan perolehan Kerajaan boleh menjejaskan integriti keseluruhan proses perolehan Kerajaan.

5. Bagi memastikan pelaksanaan setiap perolehan adalah teratur dan mematuhi peraturan semasa yang berkuat kuasa, pihak Kementerian/PTJ disarankan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- a. Melaksanakan usaha wajar (due diligence) terhadap semua syarikat yang menyertai proses perolehan sebelum memuktamadkan syarikat di peringkat PBM;
- b. Memastikan syarikat mematuhi syarat pendaftaran/lesen dengan Kementerian atau Agensi yang berkaitan. Contohnya, lesen syarikat kawalan keselamatan oleh Kementerian Dalam Negeri atau Pensijilan Program Keselamatan dan Kualiti Makanan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- c. Memastikan SST diserahkan kepada syarikat yang dimuktamadkan dalam tempoh sah laku pelawaan sebut harga/tender masih berkuat kuasa.

6. MoF mengambil maklum bahawa terdapat SST yang telah ditandatangani balas oleh kedua-dua pihak, sekaligus telah mengikat kontrak antara Kerajaan dan syarikat. Dalam hal ini, pihak Kementerian/PTJ disyorkan untuk merujuk Bahagian Undang-undang masing-masing bagi memastikan *contract validity*/kesahihan kontrak yang telah ditandatangani. MoF memandang serius perkara ini dan menegaskan bahawa tindakan pencegahan perlu diambil bagi mengelakkan perkara seumpama ini berulang. MoF menegaskan bahawa pematuhan peraturan perolehan Kerajaan adalah tanggungjawab bersama bagi pihak-pihak yang terlibat dalam memastikan perolehan Kerajaan dilaksanakan dengan berintegriti, teratur dan mematuhi peraturan semasa yang berkuat kuasa.


7. Bagi memastikan teguran ini tidak berulang, dimohon perhatian dan kerjasama pihak Kementerian untuk memanjangkan salinan surat ini kepada semua PTJ di bawah seliaan Kementerian masing-masing. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menandatangani amanah,



(DATO' HAJAH NORISON BINTI RAMLI)

Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan

s.k.:

1. **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar**
Ketua Setiausaha Negara
2. **YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
3. **YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

EDARAN DALAMAN (MoF)

1. **YBhg. Datuk Ramzi bin Mansor**
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)
2. **YBhg. Datuk Wira Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin**
Ketua Pengarah Kastam
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
3. **YBhg. Dato' Zainani binti Jusoh**
Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
4. **YM Dato' Raja Muhammad Azhan Shah bin Raja Muhammad**
Setiausaha Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan
5. **YBrs. Sr. Abdul Razak bin Yusak**
Ketua Pengarah
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
6. **YBrs. Tuan Leonard Wilfred Yussin**
Pegawai Kewangan Persekutuan
Perbendaharaan Malaysia Sarawak
7. **YBrs. Tuan Norali @ Ag Norali bin Ag Damit**
Pegawai Kewangan Persekutuan
Perbendaharaan Malaysia Sabah
8. **YBrs. Puan Norzawatil Amali binti Alias**
Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan (D)